

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Pelanjutan Pelaksanaan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB) 2020 ke Tahun 2021
TARIKH / TAHUN	:	Tahun 2021
PERUNTUKAN	:	Baki Bajet RMKe-11: SPPE: RM1,653,788.45
JABATAN / CAWANGAN / UNIT	:	PACS/Pejabat Wilayah/OED
IMPAK KEPADA RAKYAT	:	1. Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). 2. Melahirkan syarikat contoh yang boleh meningkatkan produktiviti dan daya saing yang tinggi dan dijadikan sebagai Tanda Aras.
JUSTIFIKASI PENGUNAAN BAKI BAJET RMKe-11	:	1. Walaupun KPI RMKe-11 telah mencapai sasaran sebanyak 600 syarikat namun terdapat 30 tambahan syarikat (630 vs 600 syarikat) yang masih belum menamatkan beberapa aktiviti. 2. Menggunakan peruntukan pembangunan sedia ada yang telah disalurkan ke tahap optimum.

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Pelanjutan Pelaksanaan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB) 2020 Ke Tahun 2021

1.0 Tujuan

Kertas kerja ini disediakan untuk mendapatkan pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan pelanjutan pelaksanaan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) dengan baki bajet RMKe-11 sebanyak RM1,653,788.45 Skim ini akan dilaksanakan pada tahun 2021 menggunakan baki bajet RMKe-11 sedia ada yang telah disalurkan oleh pihak MITI pada tahun 2020.

2.0 Latar belakang

- 2.1 Pada Rolling Plan 2 (RP2) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), MPC melalui Central Region Office (CRO) telah memohon bajet pembangunan bagi menjalankan program yang dinamakan sebagai Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).
- 2.2 Unit Perancang Ekonomi (EPU), melalui surat yang diperolehi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertarikh 24 Oktober 2016 telah memaklumkan mengenai permohonan bajet bagi menjalankan skim tersebut telah diluluskan.
- 2.3 Peruntukan sebanyak RM3.22 juta (125 Syarikat) telah disalurkan pada tahun 2017 dan RM6 juta pula telah disalurkan pada tahun 2018 (150 syarikat) dan RM5.95 juta 2019 (150 syarikat). Manakala bagi tahun 2020, sebanyak RM6 juta telah diterima dan sebanyak 227 syarikat telah menjalani intervensi (dari jumlah ini 184 syarikat telah berjaya menamatkan intervensi (berbanding sasaran 2020: 175 syarikat)). Secara keseluruhan, sebanyak 630 syarikat telah melalui pelbagai intervensi berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 600 syarikat.
- 2.4 Sehingga 31 Disember 2020, terdapat baki bajet RMKe-11 sebanyak RM1,653,788 (berdasarkan Laporan Mesyuarat JKTP 1/2021, baki sehingga 31 Disember 2020) . Dicapangkan supaya baki ini digunakan untuk meneruskan pelaksanaan aktiviti berkaitan bagi syarikat terlibat yang masih belum menamatkan aktiviti sehingga selesai pada tahun 2021. Bilangan syarikat terlibat adalah 43 syarikat yang masih belum menamatkan aktiviti intervensi; 54 syarikat bagi aktiviti pra BE dan 161 syarikat bagi aktiviti post BE.

3.0 Kaedah Pelaksanaan

- 3.1 Program ini melibatkan 3 fasa pelaksanaan iaitu (i) FASA 1: Pra-diagnostik; FASA 2: Intervensi dan FASA 3: *Post-Diagnostik & Persijilan QE/5S*.
- 3.2 Agihan peruntukan mengikut fasa bagi setiap syarikat yang menyertai adalah seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Aktiviti dan Pecahan Peruntukan SPPE

Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM/syarikat)
FASA 1: Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik		
1	Pra-Diagnostik BE	2,000
FASA 2: Intervensi		
2	Intervensi (Kursus dan Lawatan Perundingan)	29,500
FASA 3: <i>Post-Diagnostik, Pemilihan Syarikat Contoh & Perkongsian Amalan Terbaik</i>		
3	<i>Post-Diagnostik BE</i>	2,000
4	Persijilan QE/5S	
Jumlah Peruntukan Setiap Syarikat (RM)		33,500

- 3.3 Pembekal Latihan MPC yang telah dilantik sebelum ini akan digunakan semula bagi membantu pelaksanaan aktiviti intervensi. Kaedah penyampaian secara online akan diberi keutamaan bagi memastikan aktiviti dapat disiapkan sebelum tarikh akhir. Pembekal perkhidmatan sentiasa dipantau keberkesanan perkhidmatan mereka. Kadar pakej bayaran yuran profesional meliputi penginapan penceramah dan tambang pengangkutan (pergi dan balik) ke tempat program.
- 3.4 Pelaksanaan pra-diagnostik BE (Fasa 1) dan post-diagnostik BE (Fasa 3) akan dilaksanakan oleh MPC dan/atau pembekal perkhidmatan bagi semua syarikat. Bagi mengatasi masalah kekangan pergerakan akibat situasi COVID19, kaedah penilaian secara online akan diberi keutamaan
- 3.5 Baki peruntukan bagi setiap aktiviti (setelah ditolak bayaran kepada pembekal) akan dipohon oleh pejabat wilayah berkaitan untuk dijadikan sebagai yuran pengurusan. Aktiviti tersebut meliputi penilaian BE bagi pre dan post diagnostik, intervensi dan aktiviti persijilan amalan persekitaran berkualiti.

- 3.6 Bagi tujuan mengawal perbelanjaan peruntukan skim ini, tuntutan yuran pengurusan secara berfasa akan dilaksanakan iaitu setelah aktiviti berkaitan disempurnakan. Tuntutan kontra hasil akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 3.7 Kesemua aktiviti dicadang untuk disiapkan pada atau sebelum 31 Mei 2021. Bagaimanapun, tempoh lanjutan yang dipohon adalah sehingga 30 Jun 2021. Carta perancangan pelaksanaan aktiviti adalah sebagaimana Jadual 2 (Lampiran 1)
- 3.8 Bilangan syarikat yang terlibat beserta anggaran agihan peruntukan adalah sebagaimana maklumat di dalam Jadual 3 (Lampiran 2). Disebabkan faktor baki sebenar peruntukan yang diperolehi dari pihak Kewangan yang belum muktamad,

4. Penutup

Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan bagi meluluskan permohonan pelanjutan pelaksanaan SPPE bagi tahun 2021 bagi tujuan menjalankan aktiviti SPPE yang masih berbaki meliputi komponen berikut ke atas syarikat-syarikat yang berkaitan.

- Aktiviti penilaian pra BE (*Business Excellence*) [54 syarikat]
- Aktiviti intervensi [43 syarikat]
- Aktiviti penilaian post BE [161 syarikat]
- Lain-lain aktiviti sampingan berkaitan (pengiktirafan (persijilan amalan persekitaran berkualiti [meliputi 18 syarikat]), perkongsian amalan terbaik, aktiviti graduation day dll.)

Jumlah anggaran baki bajet RMKe-11 sebanyak RM1,653,788.45

Disediakan oleh : Muhammad Hafiz Sabarudin
Pengurus PACS
21/1/2021

Disemak oleh : Zainudin Elias
Pengarah OED
21/1/2021

Disahkan oleh : Rosmi Abdullah
Pengarah PACS
21/1/2021

Lampiran 1

Jadual 2: Carta Perbatuan Aktiviti SPPE (Lanjutan 2021)

BIL.	AKTIVITI /BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	Jumlah Syarikat Terlibat
1.	Penilaian Pra Business Excellence							54
2.	Intervensi							43
3.	Penilaian Post Business Excellence (intervensi lanjut 2021)							161
4.	Penilaian Post Business Excellence (intervensi siap 2020)							
5.	Lain-lain aktiviti sampingan berkaitan (pengiktirafan, perkongsian amalan terbaik, dll.)							18

Lampiran 2

Jadual 3. Ringkasan bilangan syarikat terbabit dan agihan peruntukan

WIL.	Kategori Aktiviti >	1. Bil. Syarikat Terlibat - Aktiviti Pra BE		2. Bil. Syarikat - Intervensi	3. Bil. Syarikat Terlibat - Aktiviti Post BE		4. Bil. Syarikat Terlibat - Aktiviti Persijilan QE/5S	
	BIL. SYARIKAT INTERVENSI DISIAPKAN 2020	Intervensi Siap 2020	Intervensi Lanjut 2021	Intervensi Lanjut 2021	Intervensi Siap 2020	Intervensi Lanjut 2021	Intervensi Siap 2020	Intervensi Lanjut 2021
PACS	90	13	12	26	77	26	10	0
NRO	17				17		0	0
ECR	28						4	0
SRO	13	5			5	13	5	0
SKO	27	10			5	11	5	0
SBO	9				7		7	1
	184	28	26	43	118	43	18	
JUMLAH 1 (BIL. SYARIKAT)		54		43	161		18	
Cadangan Anggaran Agihan Peruntukan		80,000.00		1,110,788.45	408,000.00		55,000.00	
JUMLAH 2 (RM)		1,653,788.45						